

08 AUG 1996

Mahathir-Kampung

BAWA BUDAYA KAMPUNG KE BANDAR, KATA MAHATHIR

MUKAH (Sarawak), 8 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahthir Mohamad hari ini berkata penduduk bandar perlu membawa budaya hidup kampung ke kawasan bandar dan mengamalkannya untuk menjamin pengekalan corak hidup yang bersatu padu dan berharmoni.

Perdana Menteri berkata, rakyat negara ini yang terdiri daripada pelbagai bangsa, agama, bahasa dan budaya mesti ingat bahawa perpaduan dan kebahagiaan yang dikecapi kini tidak akan kekal selama-lamanya tanpa mereka berusaha memeliharanya.

Dengan itu, mereka perlu beringat dan berusaha untuk mewujudkan kemesraan sesama rakyat bagi mengekalkan kehidupan yang dinikmati sekarang, katanya ketika berucap merasmikan program Gerak Mesra peringkat negeri Sarawak di sini.

Program itu disertai kira-kira 15,000 rakyat yang tinggal di sekitar kawasan ini. Mukah, sebuah pekan pesisiran pantai, terletak kira-kira 150km ke utara Sibu, bandar kedua besarnya di negeri ini.

Daerah Mukah seluas kira-kira 5.02 km persegi, mempunyai kira-kira 44,000 penduduk yang terdiri daripada Melayu, Melanau, Iban dan Cina. Ia mempunyai 37 kampung, 293 rumah panjang, dua pekan dan sebuah bandar.

Dr Mahathir berkata, kehidupan di kampung tidak membebankan penduduknya kerana mereka saling tolong-menolong tetapi di bandar-bandar kini keadaannya berbeza. Ada jiran sebelah-menyebelah rumah yang sampai tidak mengenali antara satu sama lain.

Sebagai contoh beliau menyebut kejadian yang pernah berlaku di bandar apabila jiran sebuah rumah hanya memerhatikan sahaja perompak melarikan barang-barang dari rumah itu kerana mereka tidak pernah bertegur-sapa.

Sebaliknya, kata beliau, perkara seperti itu tidak mungkin berlaku di kampung kerana jiran-jiran sebelah menyebelah rumah akan sentiasa bertanya tentang tingkah-laku orang yang mereka tidak kenali.

Dengan itu budaya kehidupan kampung perlu dibawa ke bandar dan setiap anggota masyarakat mesti mengenali jiran masing-masing, katanya.

Dr Mahathir berkata orang ramai terutama di bandar-bandar perlu berasa terhutang budi dengan masyarakatnya dan mereka perlu menjalin hubungan dengan anggota masyarakatnya.

"Masyarakat yang berjaya mesti lebih bertanggungjawab dan berperaturan dan seterusnya ia akan menjadi tertib dan dapat hidup sempurna," katanya.

Dr Mahathir berkata, seseorang anggota masyarakat tidak boleh tinggal terasing daripada anggota masyarakat yang lain kerana setiap orang daripada mereka saling memerlukan antara satu sama lain.

Mengenai hubungan antara Sarawak dan Semenanjung, Perdana Menteri berkata, kedua-duanya kini tidak boleh lagi dipisahkan kerana tidak lama lagi ia akan dihubungkan dengan kabel elektrik dari Bakun ke Semenanjung.

Selain itu, beliau juga meminta semua golongan rakyat di negara supaya menyingkirkan sifat perkauman yang tebal di kalangan mereka untuk menghindari kejadian seperti yang menimpa banyak negara asing yang kini hidup menderita kerana berperang disebabkan amalan sikap sedemikian.

Tenaga elektrik yang dialirkan ke Semenanjung akan membawa wang yang dapat digunakan untuk kemakmuran di negeri ini bagi pembinaan prasarana seperti jalan raya, katanya.

Katanya, tenaga elektrik yang bakal dijanakan dari Bakun hanya merupakan kira-kira empat peratus daripada keupayaan keseluruhan negeri ini yang berjumlah kira-kira 80,000 Megawatt. -- BERNAMA

AHM NMO